

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)
Sent: Thursday, February 1, 2018 3:32 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Badariah binti Haji Din
Subject: PERBINCANGAN CADANGAN KERJASAMA BERSAMA PDD POLITEKNIK NEGERI NUNUKAN & NEGERI SAMARINDA KALIMANTAN UTARA INDONESIA



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia

Serving the Global Community

1 FEBRUARI 2018 / 15 JAMADILAWAL 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,



PERBINCANGAN CADANGAN KERJASAMA BERSAMA PDD POLITEKNIK NEGERI NUNUKAN & NEGERI SAMARINDA KALIMANTAN UTARA INDONESIA.

GSGSG Online: 1 Februari 2018, satu Perbincangan Cadangan Kerjasama bersama PDD Politeknik Negeri Nunukan & Negeri Samarinda Kalimantan Utara Indonesia telah diadakan pada jam 10 pagi sehingga 12 tengahari di Bilik Mesyuarat GSGSG, COLGIS.

Delegasi dari Indonesia tersebut diketuai oleh Ketua PDD Politeknik Negeri Nunukan iaitu Bapak Arkas Viddy, Bapak Surahman selaku Wakil Direktur 4 Politeknik Negeri Samarinda, Dr. (c) Rafiqoh, SE, MM selaku WakilKetua 2 PDD politeknik Nunukan dan Bapak Abdul Halim, ST, MT selaku Koordinator Akademmi Komunitas Landak. Perbincangan ini bertujuan untuk membincangkan rangka kerjasama dan menjalin hubungan lebih akrab antara PPD Politeknik Negeri Nunukan & Negeri Samarinda Kalimantan Utara Indonesia dan UUM amnya. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Dr Badariah Bt Hj Din tersebut mendapat respon yang cukup positif dari kedua-dua belah pihak. Turut hadir dari pihak UUM adalah Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee wakil Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Sr. Dr. Mohd. Nazaruddin b. Yusoff @ Abdul Rahman wakil Pusat Pengajian Kerajaan , En, Mohd Sukri Othman selaku Penolong Pendaftar GSGSG dan Mohd Azri bin Md Nadzir wakil Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah pihak PDD Politeknik Negeri Nunukan & Negeri Samarinda Kalimantan Utara Indonesia berhajat menghantar dosen mereka bagi menyambung pengajian di peringkat PhD di UUM dan pertukaran pelajar antara dua institusi ini.

Majlis yang berlangsung hampir dua jam itu kemudian berakhir pada pukul 12 tengahari. Pihak GSGSG memberi sedikit cenderahati atas kesudian delegasi tersebut berkunjung ke UUM. Majlis kemudian berakhir dengan sedikit jamuan ringan.

Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049287751| Fax: +6049287799 | Email:gsgsg@uum.edu.my

Website : gsgsg.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.